

## **NASYID SEBAGAI WASILAH DAKWAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT KONTEMPORARI**

**Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad**

### **ABSTRAK**

Hiburan berbentuk muzik dan nyanyian adalah sinonim dengan gaya hidup masyarakat kontemporari pada masa kini. Menyedari kecenderungan masyarakat pada hari ini yang gemar kepada hiburan, maka ia perlu dipandu dengan pengisian yang betul dan tepat dalam mengharungi arus hedonisme yang terus berleluasa. Hal ini kerana pengaruh sekular yang semakin menular ke dalam seni muzik hari ini menyebabkan ia dinikmati semata-mata untuk berhibur, bersuka ria, melepaskan hawa nafsu dan ingin bebas daripada kongkongan agama. Bertitik tolak daripada itu, nasyid dilihat sebagai hiburan alternatif kepada pelbagai peringkat lapisan masyarakat di dalam menghayati seni muzik dan nyanyian yang bersesuaian dengan landasan syarak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep nasyid sebagai wasilah dakwah dan peranannya dalam mengukuhkan penghayatan agama yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan hasil kajian dalam bentuk buku, jurnal dan kertas kerja. Di samping itu, analisis kandungan dan tematik terhadap lagu kumpulan-kumpulan nasyid di Malaysia turut digunakan di dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa nasyid merupakan wasilah dakwah yang mampu mendidik masyarakat untuk lebih memahami dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan. Justeru, nasyid dilihat sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada perkembangan dakwah pada hari ini yang memerlukan kepada kepelbagaian pendekatan yang bersesuaian dengan golongan sasaran.

**Kata Kunci:** nasyid, wasilah dakwah, masyarakat

## ABSTRACT

Entertainment in the form of music and singing is synonymous with the lifestyle of contemporary society today. Realizing the tendency of today's society to love entertainment, it needs to be guided by the correct and accurate filling in the face of the current rampant hedonism. This is because the secular influence that is increasingly spreading into the art of music today causes it to be enjoyed solely to entertain, rejoice, release lust, and want to be free from the clutches of religion. Starting from that, nasheed is seen as an alternative entertainment to various levels of society in appreciating the art of music and singing by the Islamic path. Thus, this study aims to analyze the concept of nasheed as a mediator of da'wah and its role in strengthening the appreciation of religion which includes aspects of faith, worship, and morality by using the method of content analysis and research results in the form of books, journals, and papers. Besides, content and thematic analysis of the songs of nasheed groups in Malaysia are also used in this study. The results of the study found that nasheed is a mediator of da'wah that can educate the community to better understand and appreciate the teachings of Islam in life. Thus, nasheed is seen as one of the factors that contribute to the development of da'wah today that requires a variety of approaches that are appropriate for the target group.

**Keywords:** nasheed, mediator of da'wah, society

### 1. PENGENALAN

Nasyid merupakan salah satu bentuk hiburan Islam yang dapat dinikmati keindahannya melalui alunan suara yang merdu serta irama lagu yang mendamaikan. Nasyid bukan sahaja diminati oleh golongan dewasa bahkan turut mendapat tempat di hati pendengar dari kalangan remaja dan kanak-kanak. Bertitik tolak daripada itu, perkembangan industri nasyid dilihat selari dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi pada zaman yang serba canggih ini. Hal ini dapat dilihat apabila irama lagu-lagu nasyid pada masa kini lebih moden dan segar dengan penggunaan alat muzik yang terkini. Menyedari kecenderungan masyarakat hari ini terhadap hiburan yang diwarnai dengan alunan lagu dan irama muzik yang pelbagai, industri nasyid perlu bersaing agar mampu bertahan sebagai salah satu medium penyebaran dakwah. Dalam masa yang sama, nasyid perlu terus mengekalkan konsepnya iaitu mengajak manusia berhibur dengan tidak melalaikan.

Menyedari hiburan sebagai suatu yang berkait rapat dengan kehidupan masa kini, nasyid merupakan salah satu bentuk hiburan yang turut mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Nasyid dilihat sebagai hiburan dakwah yang mampu mendidik masyarakat tanpa mengira peringkat usia sama ada golongan dewasa mahupun remaja. Di samping sebagai hiburan yang menepati matlamat yang digariskan dalam Islam, nasyid juga merupakan salah satu cabang ilmu *handasat al-Aswat* (seni suara) yang berupaya membangkitkan semangat ke arah kesedaran dan keindahan Islam. Hal ini secara tidak langsung menjadikan nasyid sebagai salah satu medium dakwah yang berperanan dalam mengukuhkan kesedaran dan penghayatan agama dan dalam kalangan masyarakat dari aspek akidah, ibadah dan juga akhlak.

## 2. PERKEMBANGAN NASYID DI MALAYSIA

Pada peringkat awal kemunculan nasyid di Malaysia adalah bermula dengan lagu-lagu yang berirama padang pasir kesan daripada pengaruh Timur Tengah khususnya dari Mesir dan Syria. Pada ketika itu, masyarakat setempat menjadikan timur tengah sebagai model dalam perkembangan Islam dan menerima segala perkara yang dibawa sama ada dalam aspek amalan Islam mahu pun hiburan (Farid Mat Zain, 2006: 206). Namun begitu, nasyid pada peringkat awal dikenal pasti mula berkembang dan menular masuk dalam masyarakat Melayu melalui graduan atau pelajar Melayu yang menamatkan pengajian di Timur Tengah. Sekembalinya mereka ke tanah air dan mengajar di sekolah-sekolah, nasyid diterapkan kepada murid-murid khususnya di sekolah-sekolah agama. Pada peringkat ini, nasyid dinyanyikan sama ada di perhimpunan rasmi sekolah atau di majlis-majlis keraian (Farid Mat Zain, 2006: 206-207).

Menelusuri sejarah dan perkembangan nasyid secara serius di Malaysia, ia dapat dilihat melalui kemunculan beberapa kumpulan nasyid pada sekitar tahun 70-80 an. Di antara kumpulan-kumpulan nasyid yang berjaya dilahirkan dan berpeluang merakam album ketika itu ialah seperti Al-Mizan, Hidayah dan Al-Jawahir. Selain itu, terdapat juga artis yang merakamkan lagu nasyid secara solo seperti Ahmadi Hassan. Dalam masa yang sama, hiburan nasyid irama padang pasir di Malaysia turut dimeriahkan dengan kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid dari Indonesia. Di antara kumpulan-kumpulan nasyid tersebut yang mendapat tempat di hati masyarakat ketika itu seperti Orkes Nur El-Suraya dan Orkes Sinar Murni (Farid Mat Zain, 2006: 207).

Menurut Shaipuddin Muhammad (2009:4), kesan penerimaan masyarakat yang cukup baik terhadap perkembangan nasyid di Malaysia menyaksikan penganjuran pelbagai pertandingan

nasyid sekitar tahun 1980an seperti pertandingan Nasyid Peringkat Kebangsaan yang dikendalikan oleh RTM. Sementara itu, pada tahun 1991 pula dianjurkan Festival Nasyid Kebangsaan yang telah dikendalikan oleh Bahagian Hal-Ehwal Islam (BHEAIS) Jabatan Perdana Menteri yang kini di kenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM telah menganjurkan festival ini sebanyak 17 kali bermula pada tahun 1991 sehingga 2006. Di samping itu, JAKIM turut mengendalikan festival nasyid peringkat MABIMS (ASEAN) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1996. Lagu-lagu nasyid yang dikumandangkan melalui saluran radio IKIM turut memeriahkan lagi perkembangan nasyid sehingga teretusnya pertandingan Anugerah Nasyid IKIM kemuncak kepada program Carta Nasyid IKIM yang telah bermula pada tahun 2004.

Kerancangan perkembangan genre nasyid di Malaysia semakin hebat dengan kemunculan beberapa kumpulan nasyid yang dapat memeriahkan lagi persada seni tempatan. Pada tahun 1997, kemunculan kumpulan Raihan yang dilihat sebagai pelopor nasyid kontemporari telah membawa satu fenomena era kegemilangan lagu-lagu nasyid di Malaysia. Penerimaan masyarakat yang cukup memberangsangkan terhadap nasyid yang dibawa oleh kumpulan Raihan dapat dilihat melalui penjualan album pertama mereka iaitu Puji-Pujian yang mencecah sebanyak 600,000 unit. Bertitik tolak daripada itu, fenomena ini telah memberi galakan terhadap kemunculan beberapa kumpulan nasyid lain seperti Rabbani, Hijjaz, Brothers, Saujana, Jauhari, Diwani, In-Team, Nowseeheart, The Zikr, Solehah, Qatrunnada, UNIC dan lain-lain lagi. Hal ini secara tidak langsung menjadikan irama lagu-lagu nasyid semakin popular dan mendapat sambutan yang cukup baik dalam kalangan masyarakat yang inginkan hiburan berkonsepkan ketuhanan. Peredaran masa juga menyaksikan perubahan irama nasyid yang lebih moden dengan penggunaan alatan muzik yang lebih canggih dan pelbagai. Namun begitu, ia masih diterima oleh masyarakat sebagai hiburan yang berkonsepkan dakwah dan mendidik jiwa.

### **3. NASYID SEBAGAI SENI HIBURAN DAKWAH**

Hiburan seperti nyanyian dan muzik perlu dilihat sebagai suatu pendekatan dakwah yang relevan pada masa kini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Idris Zakaria (2006: 53), nyanyian dan muzik yang boleh membangkitkan semangat ke arah kesedaran dan keindahan Islam merupakan hiburan yang menepati matlamat yang digariskan dalam Islam. Justeru, salah satu bentuk hiburan nyanyian dan muzik yang berkonsepkan Islam adalah nasyid. Menurut

pemahaman masyarakat di Malaysia, nasyid adalah nyanyian bercorak keagamaan Islam yang mengandungi kata-kata nasihat, kisah para nabi, memuji Allah SWT dan seumpamanya.

Perubahan dan pembaharuan alunan rentak dari masa ke semasa menjadikan lagu-lagu nasyid semakin menarik dan mampu bersaing dengan lagu-lagu lain dalam industri seni (Farid Mat Zain, 2006: 206). Dalam masa yang sama, Jaffary Awang (2006: 197), menjelaskan bahawa nasyid juga merupakan satu saluran seni yang boleh memberi pengaruh terhadap masyarakat Melayu di Malaysia melalui bait-bait lagu serta penampilan kumpulan nasyid yang menyanyikan lagu tersebut. Dengan kata lain, nasyid adalah gabungan elemen seni kata muzik dan gaya penampilan kumpulan penyanyi. Memetik takrifan yang diberikan oleh Mohammed Yusof (2012: 206) pula, nasyid merupakan gabungan elemen seni kata muzik dan gaya penampilan kumpulan penyanyi yang menghasilkan satu bentuk kesenian yang berunsurkan Islam.

Nasyid sebahagian daripada seni hiburan Islam mempunyai nilai-nilai mendidik di dalam memperkukuhkan keimanan di samping mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk akhlak manusia. Di samping itu, ia mempunyai potensi ke arah mencorakkan budaya sesebuah bangsa seterusnya secara tidak langsung mampu mengubah sasaran kepada sesuatu yang positif (Mohamad Kamil Ab. Majid & Muhammed Yusof, 2006: 293). Dalam masa yang sama, Isyah Radhiah Idris dan Siti Rugayah Tibek (t.t: 248) turut menyatakan bahawa nasyid merupakan suatu bentuk hiburan alternatif kepada pelbagai lapisan golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Hal ini secara tidak langsung merupakan suatu pendekatan khusus untuk golongan remaja pada zaman ini yang terdedah dengan hiburan dan muzik yang meleakakan, melalaikan dan mendorong untuk meninggalkan suruhan Allah SWT serta melakukan perkara yang dilarang. Dalam masa yang sama, nasyid juga merupakan satu bentuk hiburan yang dapat memenuhi fitrah manusia yang boleh memberi ketenangan dan kedamaian dalam jiwa.

Pemanfaatan nasyid sebagai hiburan dalam menyampaikan Islam dilihat mampu menjadi sebagai daya penarik kepada golongan tertentu seperti remaja untuk turut serta di dalam sesuatu aktiviti kerohanian yang dilaksanakan. Hal ini kerana agak sukar untuk menarik minat golongan sasaran seandainya pendekatan dakwah yang digunakan hanya statik dalam bentuk ceramah semata-mata. Bertitik tolak daripada itu, penerimaan dan sambutan yang positif terhadap seni hiburan nasyid berupaya membentuk sikap serta etika generasi pada masa kini. Kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid dan juga penyanyi solo yang menyanyikan lagu-lagu

ketuhanan mengisi ruang seni hiburan sekali gus memberi impak terhadap industri muzik di negara ini. Hal ini secara tidak langsung menjadikan kumpulan nasyid ini sebagai agen penghibur yang bermoral (Mujani Tarimin, Fairuz el-Basri, 2004: 826).

Melihat dari konteks dakwah, nasyid merupakan salah satu bentuk pelaksanaan dakwah secara *bil lisan*. Dakwah *bil lisan* dapat difahami sebagai dakwah yang dilakukan melalui lisan atau percakapan. Dakwah *bil lisan* melalui nasyid dapat dilihat menerusi lirik lagu dan seni kata. Lirik lagu dan seni kata merupakan elemen yang cukup penting dan perlu dititik beratkan dalam sesuatu persembahan nasyid. Hal ini kerana mesej dakwah yang ingin disampaikan kepada pendengar adalah melalui lirik-lirik lagu dan seni kata yang mengandungi nilai-nilai Islam. Lirik atau seni kata yang menepati tuntutan Islam adalah yang boleh memberi nasihat, bimbingan dan peringatan terhadap peranan serta kedudukan manusia di sisi Allah SWT (Ahmad Sharifuddin Mustapha & Mohd Zain Mubarak, 2006: 105).

Dalam masa yang sama, nasyid juga merupakan salah satu bentuk pelaksanaan dakwah secara *bil hal*. Dakwah *bil hal* dapat difahami sebagai dakwah melalui perbuatan nyata yang meliputi teladan dan perilaku yang baik (Eri Satria Sanusi & Roslan Mohamed, 2017: 100). Pelaksanaan dakwah *bil hal* melalui nasyid adalah menerusi penampilan dan persembahan penyanyi. Khalayak pendengar yang meminati nasyid bukan sahaja mendengar lirik dan iramanya sahaja bahkan menilai dari sudut akhlak dan penampilan penyanyi nasyid itu sendiri. Perbezaan antara penyanyi nasyid dan penyanyi-penyanyi lain adalah personaliti artis itu sendiri. Personaliti penyanyi nasyid merujuk kepada pemakaian yang sopan serta baik budi pekerti. Justeru, Muhammed Yusof (2012: 208-210) menegaskan bahawa aspek imej dan keperibadian penyanyi nasyid itu sendiri menjadi faktor utama yang mempengaruhi pendengar untuk mendengar nasyid selain lirik dan kemerduan iramanya.

Melihat dari konteks pendekatan dakwah pula, nasyid boleh dikategorikan sebagai salah satu pendekatan dakwah secara *bil hikmah*. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001: 10), pendekatan dakwah *bil hikmah* secara mudah dapat difahami sebagai suatu tindakan yang sesuai dan bijaksana yang digunakan dalam dakwah berdasarkan kesesuaian sasaran agar dapat dipengaruhi dan menerima pengajaran yang disampaikan. Pemanfaatan nasyid di dalam menyampaikan dakwah dilihat mampu menjadi sebagai daya penarik kepada golongan tertentu seperti remaja untuk turut serta di dalam sesuatu aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Hal ini kerana agak sukar untuk menarik minat golongan sasaran seandainya pendekatan dakwah yang

digunakan hanya statik dalam bentuk ceramah semata-mata. Bertitik tolak daripada itu, maka jelas di sini bahawa nasyid turut berperanan sebagai medium melestarikan dakwah secara berhikmah kerana ia merupakan wadah seni yang dapat memenuhi tuntutan fitrah manusia yang suka kepada keindahan (Fitri Yanti, 2016: 227)

Di samping itu juga, nasyid turut dilihat sebagai pendekatan dakwah *bil mau'izatul hasanah* atau disebut kata-kata yang lemah lembut atau nasihat yang baik. Pelaksanaan dakwah dengan menggunakan pendekatan secara nasihat pada masa kini sangat penting kerana realiti kebanyakan masyarakat Islam pada hari ini tidak mampu berfikir secara kritis dan mendalam. Sehubungan dengan itu, nasyid merupakan salah satu bentuk nyanyian yang mengandungi kata-kata nasihat dalam lirik lagu. Menurut Nur Sakinah Sabari (2018: 38), lirik-lirik yang dinyanyikan dalam nasyid dapat memberi manfaat di dalam menjelaskan keindahan Islam kepada pendengar seterusnya membawa kepada kepatuhan kepada Allah SWT. Konsisten dengan kenyataan ini, Mohd Azam Sulung (2015: 97) turut menegaskan bahawa lirik atau seni kata turut berperanan dalam menyalurkan unsur-unsur yang sihat untuk dijadikan bahan pembentukan tingkah laku dan akhlak yang positif dalam kalangan masyarakat.

#### **4. PENGHAYATAN AGAMA MELALUI NASYID**

Seni berfungsi untuk mengingatkan seseorang kepada Allah SWT. Semakin dalam penghayatannya terhadap keindahan maka semakin mendalam keyakinan terhadap Allah SWT. Sehubungan itu, nasyid sebagai salah satu cabang kesenian mempunyai kesan dan peranan yang tersendiri dalam menyebarkan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat. Nasyid lebih menekankan kepada aspek nasihat dan peringatan terhadap ajaran-ajaran Islam. Dengan erti kata lain, nasyid bukan sahaja dinikmati sebagai hiburan semata-mata bahkan berperanan sebagai saluran dalam menyampaikan mesej positif yang bercorak ketuhanan, kerohanian, kemanusiaan, nasihat dan sebagainya.

Di samping berpotensi dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat, nasyid juga menjadi salah satu media dakwah yang mampu menyelinap secara halus dan tanpa disedari berupaya mengubah sasaran kepada sesuatu yang positif. Nasyid sebagai hiburan Islam berperanan turut secara eksplisit atau secara tersirat dalam mendidik masyarakat tentang amalan dan tanggungjawab terhadap agama. Dalam masa yang sama, nasyid turut menyumbang kepada penyebaran ajaran Islam serta penanaman akhlak yang baik yang menjadi

asas utama pembentukan keperibadian Islam (Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum, Mohd. Abbas Abdul Razak, & Abdul Latif Abd. Razak, 2018: 516)

Melihat dari konteks keagamaan, muzik berperanan sebagai penyedar kepada masyarakat terhadap pegangan agama sekali gus menyumbang kepada nilai keagamaan dan amalan ritual. Lirik-lirik lagu juga turut berfungsi dalam menentukan hala tuju kelompok beragama. Bertitik tolak daripada itu, Farid Mat Zain (2006: 209) menjelaskan bahawa konsep asal nasyid adalah bertujuan mengingatkan Allah SWT di samping memberi hiburan yang tidak melalaikan. Kenyataan ini selari dengan takrifan nasyid yang dinyatakan oleh Romli (2016: 20) iaitu nasyid merupakan nyanyian berunsurkan Islam yang di dalamnya terkandung nilai-nilai ajaran Islam iaitu akidah, ibadah, akhlak, dan etika sosial. Sehubungan itu, jelas di sini bahawa nasyid berupaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ajaran Islam sekali gus mengukuhkan penghayatan agama melalui nilai-nilai Islam kepada pendengar. Di antara lagu-lagu nasyid yang dapat mengukuhkan penghayatan akidah, ibadah dan akhlak adalah seperti berikut:

Jadual 1: Nasyid dalam konteks akidah

Komponen dan Elemen Lagu	Tajuk Lagu	Kumpulan Nasyid/ Penyanyi
Konsep asas akidah dan keimanan	Iman, Islam, Ihsan	Hijjaz
	Iman Mutiara	Raihan
	Cahaya Iman	Ae Man
	Syahadah	Far East
	Puji-Pujian	Raihan
Mengimani Allah SWT	Mencari Yang Maha Satu	UNIC
	Sifat 20	Raihan
	Kebesaran Allah	Rabbani
	Asmaul Husna	Hijjaz
Mengimani Malaikat	10 Malaikat	Raihan
	Malaikat	Hijjaz
Mengimani kitab al-Quran	Kemuliaan al-Quran	Inteam
	Kebesaran Al-Quran	Inteam
	Wahyu Pertama	Nowseeheart
	Al-Quran Kalamullah	Hijjaz



Mengimani Rasul	Rasulullah	Hijjaz
	Dia Muhammad	Inteam
	25 Rasul	Raihan
	Muhammad Al-Amin	Aeman
	Rasul Pilihan	Firdaus
	Rasul Junjungan	Hijjaz
Mengimani qada' dan qadar	Qada dan Qadar	Anugerah
Meyakini kematian dan hari pembalasan	Pergi Tak Kembali	Rabbani
	Selimut Putih	Hijjaz
	Menanti Di Barzakh	Far East
	Khabar Iman	Raihan
	Kepastian	Inteam

Jadual 2: Nasyid dalam konteks ibadah

Komponen dan Elemen Lagu	Tajuk	Kumpulan Nasyid/ Penyanyi
Konsep Ibadah	Ibadah	Saff One
Cara berwuduk	Wuduk	Firdaus
Ibadat solat	Marilah Sembahyang	Ae man
	Sholat	Saujana
	Sepohon Kayu	Saujana
	Mari Bersolat	Raihan
	Seruan	Mestica
	Solat Kita	Rabbani
Ibadat puasa Ramadan	Hakikat Puasa	Nada Murni
	Puasa Dulu, Baru Raya	Raihan
	Puasa Di Bulan Ramadhan	Solehah
	Amalan Ramadhan	Nada Murni
Ibadat Zakat	Rukun Ketiga	Raihan
	Indahnya Berzakat	Firdaus (Nowseeheart)
	Zakat Membawa Berkat	In-wan
Ibadat Haji	Panggilan Haji	Hijjaz

	Haji Menuju Allah	Raihan
	Haji Rukun Ke 5	Hijjaz
Ibadah zikir	Senandung Dzikir	Alif
	Zikir Terapi Diri	Hafiz Hamidun
	Zikir Hati	Inteam
	Sayyidul Istighfar	UNIC

Jadual 3: Nasyid dalam konteks akhlak

Komponen dan Elemen Lagu	Tajuk	Kumpulan Nasyid/ Penyanyi
Akhlak terpuji	Sifat Mahmudah	Hijjaz
	Akhlak Bunga Diri	Ae Man
	Akhlak Mulia	Saujana
Akhlak terhadap Allah	Thank You Allah	Raihan
	Mensyukuri Nikmat	Rabbani
	Keikhlasan	Raihan
	Syukur	Raihan
	Erti Syukur	UNIC
	Taubat Seorang Hamba	Irsyadee & Hafiz Hamidun
Akhlak terhadap Rasulullah	Muhammad Ya Rasulallah	Far East
	Kasih Pada Mu (Rasulallah SAW)	Hafiz Hamidun
	Budimu Rasulallah	Inteam
	Dia Kekasih Allah	Hijjaz
	Ya Habibi Ya Muhammad	UNIC
Akhlak terhadap ibu bapa dan keluarga	Keluarga Bahagia	Saujana
	Harapan Pada Ayah Dan Ibu	UNIC
	Terima Kasih Ibu Ayah	Hijjaz
	Jasa Ayah Ibu	Ae Man
	Anak Soleh	Rabbani
Akhlak terhadap guru	Lilin Seorang Guru	Inteam
	Guruku	Inteam

	Guruku	Soutul Amal
	Terima Kasih Guru	Saujana
Akhlik terhadap rakan	Teman Sejati	Brothers
	Akrab Persahabatan	Inteam
	Sahabat Sejati	UNIC
	Kau Sahabat Kau Teman	Hijjaz
Akhlik terhadap masyarakat dan negara	Sendu Sendawa	Mestica
	Senyum	Raihan
	Bersatu	Raihan
	Perpaduan	Shoutul Amal
	Kasih Sayang	Raihan
	Keamanan	Hijjaz, Rabbani, Raihan & Brothers

## 5. PERBINCANGAN

### a) Penghayatan Akidah

Peranan nasyid di dalam mengukuhkan penghayatan akidah dalam kalangan masyarakat dapat dilihat melalui lagu-lagu yang menyentuh tentang keimanan dan ketakwaan. Penghasilan lagu dan lirik nasyid yang merangkumi sifat-sifat Allah, rukun iman, mengenal Allah, sifat-sifat malaikat, kematian, seksa neraka dan keindahan syurga dan sebagainya berupaya meningkatkan kefahaman dan sekali gus mengukuhkan penghayatan akidah dalam diri. Di antara contoh nasyid yang menyentuh aspek akidah adalah nyanyian dari Kumpulan Raihan yang menerapkan rukun iman dalam lirik lagu-lagu nasyid mereka. Antara lagu nasyid tersebut adalah menyentuh tentang beriman kepada Allah SWT, malaikat, rasul, kitab al-Quran, hari akhirat serta qada' dan qadar. Penghasilan lirik berdasarkan pemikiran keagamaan yang terdiri daripada aspek ketuhanan, ketauhidan dan kepercayaan terhadap seruan tuhan mampu meningkatkan lagi akidah Islam dalam kalangan pendengar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari (2016: 104), akidah berperanan dalam melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dan mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani seimbang. Penghayatan akidah dalam diri seseorang

individu Muslim berupaya menyuntik semangat perjuangan, menyuburkan daya saing dan memupuk perpaduan dalam kalangan umat Islam (Jamalia Aurani et al., 2014: 59).

### **b) Penghayatan Ibadah**

Pengukuhan penghayatan ibadah dalam seni nasyid adalah melalui lirik lagu yang menyentuh tentang sesuatu ibadah. Menurut Jaffary Awang (2006), nasyid merupakan hiburan yang berupaya memberi galakkan dalam melakukan amalan-amalan ritual. Mengambil contoh lirik-lirik nasyid Kumpulan Raihan yang menyentuh aspek ibadat berkaitan rukun Islam seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan ibadah haji. Melalui nyanyian yang menyentuh tentang ibadat-ibadat tertentu mampu menjadi pendorong serta menggalakkan seseorang untuk melakukan dan menghayati ibadat tersebut. Di samping itu, nasyid juga mampu memberi ketenangan dan kerehatan kepada diri seseorang. Apabila jiwa dan keadaan diri dalam keadaan tenang dan mendapat rehat yang secukupnya akan menyumbang kepada keselesaan untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT. Dengan erti kata lain, nasyid sebagai hiburan yang memberi kegembiraan dan sekali gus dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi ibadat serta menjalankan kewajipan berdasarkan syarat-syarat yang telah digariskan dalam Islam. Hasil daripada pelaksanaan ibadah yang berkualiti mampu mendisiplinkan diri, terhindar dari godaan iblis dan syaitan, melahirkan hati dan jiwa yang tenang seterusnya memelihara diri daripada kejahatan dan maksiat. Dalam konteks masyarakat pula, Jamalia Aurani et al. (2014: 213-220) menegaskan bahawa penghayatan terhadap ibadah berupaya membentuk kesatuan ummah serta melahirkan sebuah masyarakat yang produktif.

### **c) Penghayatan Akhlak**

Nasyid dalam mengukuhkan penghayatan akhlak adalah melalui lirik lagu yang memberi peringatan dan pengajaran serta melalui penampilan akhlak yang ditonjolkan penyanyi nasyid. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohamad Kamil Ab. Majid dan Muhammed Yusof (2006: 293), nasyid mempunyai nilai-nilai mendidik di dalam memperkukuhkan keimanan di samping mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk akhlak manusia. Nasyid juga mempunyai potensi ke arah mencorakkan budaya sesebuah bangsa seterusnya secara tidak langsung mampu mengubah sasaran kepada sesuatu yang positif. Kajian Isyah Radhiah dan Siti Rugayah Tibek

(t.t: 255) mendapati lirik nasyid Kumpulan Raihan banyak menyentuh aspek akhlak. Sehubungan itu, nilai-nilai dalam nasyid memberi dapat memberi kesedaran agar menghormati golongan ibu bapa dan orang-orang yang lebih dewasa, kegigihan dalam menuntut ilmu, mensyukuri nikmat Allah SWT seperti penciptaan langit dan bumi serta lain-lain yang kebanyakan bersifat positif. Hal ini dibuktikan melalui hasil kajian ke atas kumpulan nasyid Rabbani, Raihan dan Hijjaz yang mendapati bahawa mereka melakukan usaha yang sangat kreatif dalam menangani pelbagai isu yang membabitkan umat Islam dalam membentuk keperibadian khususnya golongan muda (Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum et al., 2018: 516).

## 6. KESIMPULAN

Kepelbagaian pendekatan dakwah merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dengan berkesan. Perkembangan dan kemajuan dunia yang serba canggih pada masa kini menuntut pendakwah untuk menguasai pelbagai kemahiran dalam usaha mendekati masyarakat bagi menyampaikan dakwah. Bertitik tolak daripada itu, nasyid merupakan salah satu wasilah dakwah yang berpotensi dalam menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat tanpa mengira peringkat lapisan umur. Di samping menjadi salah satu hiburan dan halwa telinga yang mendidik jiwa, nasyid juga memainkan peranan penting sebagai wasilah serta medium dakwah dalam memberi kesedaran agama dalam kalangan masyarakat. Mesej-mesej yang disampaikan dan dialunkan melalui bait-bait lagu berupaya mengukuhkan penghayatan akidah, ibadah dan juga akhlak bagi yang menghayatinya. Sehubungan dengan itu, sokongan yang padu perlu diberikan bagi memajukan industri hiburan nasyid agar mampu menyaingi lagu-lagu berlatarkan kebaratan yang mengundang kepada gejala-gejala negatif khususnya kepada golongan remaja.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum, Mohd. Abbas Abdul Razak, & Abdul Latif Abd. Razak. (2018). Creativity in Islamic Entertainment: A Case Study of Malaysian Nashid Groups (Rabbani, Raihan and Hijjaz). *Jurnal of Islam in Asia*, 15(2), 500-519.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha & Mohd Zain Mubarak. (2006). Dakwah Melalui Muzik Dan Nyanyian: Suatu Perbincangan. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM

- Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohammad. (1994). *Muzik Dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Eri Satria Sanusi, & Roslan Mohamed. (2017). Analisis Terhadap Peranan Nasyid Dalam Dakwah. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 16(2), 227–242. <https://doi.org/10.22373/jiif.v16i2.1329>
- Farid Mat Zain. (2006). Dari Padang Pasir Kepada Pop Kontemporari: Akar Umbi Nasyid di Malaysia. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fitri Yanti. (2016). Komunikasi Dakwah dalam Kesenian Nasyid. *Al-Mishbah*, 12(2), 211–231.
- Isyah Radhiah Idris & Siti Rugayah Tibek. (t.t). Nasyid Sebagai Wasilah Dakwah: Sumbangan Kumpulan Raihan.
- Idris Zakaria. (2006). Falsafah Seni Muzik Islam Dan Hubungannya Dengan Bina Insan. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaffary Awang. (2006). Perkembangan Nasyid dan Penataran Nilai Islam di Malaysia. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamalia Aurani, Ahmad Termizi Ab Lateh, Noor Azura Zainuddin, Siti Fatimah Sudin, Che Latifah Ismail, Raihaniah Zakaria, Sharipah Isa & Azri Bhari. (2014). *Asas-Asas Pandangan Hidup Islam*. Perlis: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Perlis.
- Masuriyati Yahya, & Che Zarrina Sa'ari. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian ( PP ) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al Thaqafah*, 6(1), 101–112.
- Mohamad Kamil Ab. Majid & Muhammed Yusof. (2006). Islamisasi seni muzik sebagai hiburan alternatif: Satu analisis dari perspektif pendekatan dakwah. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammed Yusof. (2012). Nasyid Di Radio Dakwah: Kajian Terhadap Nasyid Di Radio IKIM.fm. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammed Yusof. (2013). Dakwah melalui muzik edutainment: Tumpuan terhadap nasyid di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan*. Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya
- Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri Mohamad. (2018). Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2015: Analisis Menurut Siasah Syar'iyah, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, Vol. 17.
- Mohd Azam Sulung. (2015). Analisis Melodi dan Seni Kata Lagu Terbaik Industri Muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura Tahun 2013. *Malaysian Music Journal*, 4 (2),
- Mujani Tarimin & Fairuz el-Basri. (2004). Pembentukan Generasi Melalui Seni. *International*

*Seminar on Islamic Thoughts Proceedings*. Anjuran Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Sakinah Sabari. (2018). Retorik Pembujukan Dakwah Dalam Lagu Nasyid: Kajian Terhadap Lagu Opick Dan Hafiz Hamidun. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Shaipuddin Muhammad. (2009). Peranan Teknik Vokal Dalam Persembahan Nasyid Kontemporari di Sekolah. Disertasi Ijazah Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris.